



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

KHAMIS, 7 DISEMBER 2023

LAPORAN HARIAN





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

7/12/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	PROGRAM SETAHUN BERSAMA KERAJAAN MADANI SEDIAKAN SARINGAN KANSER WANITA PERCUMA	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/12/1185916/program-setahun-bersama-kerajaan-madani-sediakan-saringan-kanser	BHARIAN.COM.MY
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2251496	BERNAMA.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=ahxzlyJ5qi4	YOUTUBE
	https://www.youtube.com/watch?v=QaN5WP7ICag	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
2	4 BERADIK TERMASUK BAYI TUJUH BULAN DITEMUI TERBIAR TIGA HARI	
	https://www.hmetro.com.my/utama/2023/12/1037754/4-beradik-termasuk-bayi-tujuh-bulan-ditemui-terbiar-tiga-hari	HMETRO.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/12/1185860/bapa-di-lokap-ibu-menghilang-empat-beradik-ditemui-terbiar	BHARIAN.COM.MY
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/12/06/4-beradik-ditinggal-kini-dijaga-jkm/	FREEMALAYSIATODAY.COM
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/empat-beradik-termasuk-bayi-ditemui-terabai-ditinggal-sendirian-448981	ASTROAWANI.COM
	https://www.sinarharian.com.my/article/638327/edisi/melaka-ns/empat-beradik-termasuk-bayi-ditemui-terabai-ditinggal-sendirian	SINARHARIAN.COM.MY
	https://malaysiapost.com.my/2023/12/06/empat-kanak-kanak-rohingya-diselamatkan-jkm/	MALAYSIAPOST.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/berita/2023/12/bapa-di-lokap-ibu-menghilangkan-diri-empat-beradik-tinggal-terbiar/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	SARAWAK DISABLED FOLK SUFFERING IN SILENCE, NEED URGENT AID, SAYS PKR	
	https://www.thevibes.com/articles/news/100274/handicapped-in-sarawak-suffering-in-silence-need-urgent-aid-says-pkr	THEVIBES.COM



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT


LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my

f t @ kpwkm

7/12/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
4	REMAJA MENGAKU CABUL GADIS BAWAH UMUR DI PUSAT KARAOKE	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/12/1037745/remaja-mengaku-cabul-gadis-bawah-umur-di-pusat-karaoke	HMETRO.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/12/1185887/remaja-mengaku-bersalah-cabul-kenalan-bawah-umur-di-pusat-karaoke	BHARIAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=1BrVJM1k6VE	YOUTUBE
	https://www.youtube.com/watch?v=AMHI-ZjUbnM	YOUTUBE



Program setahun bersama Kerajaan MADANI sediakan saringan kanser wanita percuma

Disember 6, 2023 @ 3:42pm



- Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: Saringan kanser payudara dan kanser serviks akan diberikan secara percuma kepada pengunjung yang menghadiri Program Setahun Bersama Kerajaan MADANI pada 8 hingga 10 Disember ini di pekarangan Stadium Bukit Jalil.

Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Datuk Dr Maziah Che Yusoff, berkata inisiatif itu dilaksanakan sebagai kempen kesedaran kepada wanita berikutan kanser payudara dan serviks yang semakin meningkat di seluruh negara.

Beliau berkata, saringan kanser payudara membabitkan ujian mamogram manakala ujian Human Papillomavirus (HPV DNA) bagi saringan kanser serviks.


"Pada program minggu ini, kami sediakan 49 klinik sejahtera di seluruh negara untuk membuat saringan berkenaan manakala di Bukit Jalil pula akan ada trak mudah alih yang boleh melaksanakan ujian HPV DNA dan ujian mamogram," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjadi tetamu pada program Selamat Pagi Malaysia terbitan RTM yang disiarkan di saluran TV1, hari ini, sempena Program Setahun Bersama Kerajaan MADANI.

Maziah berkata, selain saringan kanser wanita, kementerian itu turut mengadakan dua pentas utama bagi mempromosikan kempen kesedaran mengenai antigangguan seksual serta kempen perlindungan kanak-kanak.

Beliau berkata, kementerian itu telah menganjurkan Program Jerayawara Kasih KPWK @Advokasi Antigangguan Seksual sebagai satu usaha dalam meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai isu gangguan seksual yang perlu ditangani dengan serius.

"Penggubalan Akta Antigangguan Seksual 2022 (Akta 840) telah diluluskan pada tahun lepas dan diwartakan pada Oktober tahun yang sama manakala tahun ini, kementerian menguatkuasakan sebahagian seksyen daripada akta berkenaan iaitu Seksyen 25 (fungsi dan kuasa pentadbir) dan Seksyen 26 (kuasa untuk membuat peraturan-peraturan)," katanya. – BERNAMA



Sarawak disabled folk suffering in silence, need urgent aid, says PKR

More than 6,000 longhouses said to hold residents who are bedridden or wheelchair bound.

Updated 9 hours ago · Published on 06 Dec 2023 1:00PM



The Social Welfare Department is urged to boost efforts to reach out to handicapped folk living in the rural areas of the Sarawak. – The Malaysian Insight file pic, December 6, 2023.

SARAWAK PKR has urged the Social Welfare Department to boost efforts to reach out to handicapped folk living in the rural areas of the state.

Senator Abun Sui, who is the Sarawak PKR chairman, said more than 6,000 longhouses have residents who are bedridden or wheelchair bound.

"There is an urgent need for the Welfare Department to reach out to these folk via its mobile units," he said.

"Some of them are in dire need of assistance and the department must make an effort to visit these outskirts locations.

"We cannot expect the handicapped to come to the Welfare Department.

On Monday, Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri issued an urgent appeal for more efforts to bring the plights of disabled people to the attention of the authorities as many of them are believed to be suffering in isolation without any form of government aid.

She said this is especially true in rural Sarawak, where such situations are prevalent.

According to the ministry's latest figures, 681,074 people are registered as disabled, or "orang kurang upaya" (OKU) in Malaysia.

"In Sarawak, many OKU could be living in away from others in the remote villages and longhouses," she said.

Sui, who is also the Sarawak Pakatan Harapan information chief said the handicapped in remote locations do not have the means to travel to the city or town to seek aid from the Welfare Department.

"The welfare units must seek out the handicapped. That is the only viable way to be more effective in their outreach." – The Vibes, December 6, 2023



TAJUK : BAYI 7 BULAN ANTARA EMPAT BERADIK TERBIAR TIGA HARI

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 7 DIS 2023

M/SURAT : 18

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Bayi 7 bulan antara empat beradik terbiar tiga hari

Ibu dipercayai hilangkan diri, bapa dalam tahanan reman

Oleh Ahmad Hasbi
bhnews@bh.com.my

Seremban: Empat beradik masing-masing berusia tujuh bulan, dua tahun, lima tahun dan tujuh tahun ditemui terbiar selama tiga hari di sebuah rumah di Ampangan, dekat sini, Isnin lalu.

Ketika ditemui, hanya permaidani lusuh dijadikan alas tidur, manakala bayi berkenaan dijaga abang sulungnya.

Difahamkan, ibu kanak-kanak berkenaan keluar dari rumah sejak 1 Disember lalu, manakala bapa mereka dikatakan dalam tahanan reman polis.

Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Sembilan, Rosnah Sardi, berkata ibu bapa empat beradik itu dipercayai etnik Rohingya dan kerap berpindah-randah.

"Kita menerima aduan daripada beberapa jiran pada jam 9.40 malam kelmarin mengenai keadaan tiga kanak-kanak dan seorang bayi berusia tujuh bulan yang diabaikan.

"Penduduk mengambil mereka dan ditempatkan di kediaman jiran serta diberi makanan. Ketika JKJ mengambil mereka, empat beradik itu berada dalam keadaan baik," katanya ketika



Empat beradik ditempatkan di kediaman jiran sementara menunggu kehadiran JKJ di Ampangan, Seremban, kelmarin.

(Foto Ihsan Pembaca)

dihubungi, semalam.

Dipantau UNCHR

Beliau berkata, pegawai JKJ membuat siasatan segera ke lokasi kejadian dan menghubungi pihak Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

Untuk Pelarian (UNHCR).

"Siasatan mendapati ibu mereka keluar rumah mulai 1 Disember dan tidak kembali, manakala bapa mereka berada di lokap dan dijadual dibebaskan hari ini (semalam).

"Anak-anak ini berada di tem-

pat selamat sebelum diserahkan kepada bapa kandung di bawah pemantauan pihak UNCHR," katanya.

Katanya, laporan polis dibuat mengenai kejadian itu dan siasatan diteruskan mengikut Seksyen 17 (1)(d) Akta Kanak-Kanak 2001 pindaan 2016.



TAJUK : KESEDARAN MASYARAKAT BANTERAS JENAYAH RASUAH SEKS

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 7 DIS 2023

M/SURAT : 13

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Kesedaran masyarakat banteras jenayah rasuah seks

Noraini Sapuan
Penolong Pendaftar,
Universiti
Pendidikan
Sultan Idris

Jenayah rasuah seks dilihat semakin berleluasa dengan beberapa kes penang-kapan berkaitan kebelakangan ini. Ia membabitkan pemangsa daripada pihak yang mempunyai kuasa atau berautoriti dalam membuat sesuatu keputusan.

Ini dapat dilihat daripada kes ter-baharu yang dilaporkan, ia kelihatan menjurus kepada pendekatan 'quid pro quo', iaitu bermaksud satu perjanjian antara dua pihak atau lebih dengan ada pertukaran sesuatu sama ada barang atau perkhidmatan.

Dalam kes itu apabila sesuatu tawaran atau jaminan diberikan oleh pelaku kepada pihak mangsa dengan persetujuan diberikan habuan seks oleh mangsa. Perlakuan ini juga boleh berlaku dalam bentuk ancaman atau rasuah seks yang dijadikan sebagai syarat untuk mendapat-kan keistimewaan sama ada berbentuk ganjaran dalam pekerjaan atau digunakan sebagai umpan terhadap mangsa.

Statistik menunjukkan bahawa kes jenayah rasuah seks ini adalah sukar untuk diambil tindakan dari segi perundangan. Ia disebab-kan keperluan pembuktian yang sangat kukuh serta menuntut komitmen sepenuhnya daripada

mangsa untuk tampil ke muka pengadilan juga bekerjasama dengan pihak penguatkuasaan da-lam usaha membanteras jenayah ini.

Dapat dilihat baru-baru ini, keberanian se-orang mangsa tampil membuat laporan ke atas perlakuan rasuah seks yang berlaku ke atas dirinya oleh seorang penguat kuasa. Kes ini mem-buka mata masyarakat bahawa jenayah rasuah seks ini berlaku dan ia perlu ditangani dengan lebih serius.

Keberanian mangsa untuk tampil bersuara harus diberi pujian dan sokongan serta dijadikan sebagai contoh dalam mendidik dan memberi kesedaran kepada seluruh rakyat Malaysia untuk bersama-sama menangani serta membanteras jenayah rasuah seks ini.

Perluas program pendidikan

Kesedaran dan tindakan pencegahan oleh mangsa sendiri, terutama perlu ditanamkan dalam minda setiap rakyat supaya ia menjadi satu senjata paling ampuh untuk melemahkan kerakusan pelaku rasuah seks ini. Selain itu, sokongan dan bantuan daripada pelbagai pihak, terutama dalam kalangan ahli keluarga, pendidik serta rakan sejawat memainkan peranan sangat

penting dalam memberi sokongan meliputi dari segi mental, fizikal dan psikologi kepada mangsa.

Justeru, rakyat Malaysia perlulah lebih cakna dengan isu dan jenayah rasuah seks yang semakin berleluasa di negara ini. Tatkala rasuah berbentuk wang, ganjaran, material atau hadiah lumayan yang sering dipertontonkan, ada juga korupsi da-lam bentuk lain.

Perlakuan jenayah rasuah seks ini perlulah di-banteras dan ditangani daripada akar umbi justeru didikan serta kesedaran kepada generasi muda amatlah penting dalam memastikan jenayah ini tidak dianggap sebagai perkara biasa.

Pendidikan dan program kesedaran berkaitan pencegahan terhadap jenayah rasuah seks ini per-lulah dipergiatkan dengan mendedahkan bentuk perlakuan yang boleh diklasifikasikan sebagai rasuah seks mahupun gangguan seksual.

Bak kata pepatah mencegah lebih baik daripada mengubati, adakah kita hanya ingin melihat jena-yah ini menjadi barah lalu merebak merosakkan negara atau sebaliknya? Kita tidak mahu melihat kerosakan berlaku dalam negara tercinta jadi perlu untuk terus cakna dengan isu yang berlaku dan seterusnya bersama-sama berperanan secara aktif dalam membanteras dan menanganinya.



TAJUK : 4 BERADIK TIGA HARI TERBIAR

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 7 DIS 2023

M/SURAT : 02

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



EMPAT beradik ditempatkan di rumah jiran buat sementara waktu selepas ditinggalkan ibu mereka di Ampangan, Seremban.

Oleh Ahmad Hasbi
am@hmetro.com.my

Seremban

Empat beradik masing-masing berusia tujuh bulan, dua tahun, lima dan tujuh tahun ditemui dibiarkan bersendirian selama tiga hari di sebuah rumah di Ampangan, dekat sini, pada Isnin.

Ketika ditemui, hanya terdapat permaidani lusuh yang dijadikan alas tidur, manakala si bongsu hanya dijaga abang sulung berusia tujuh tahun.

Difahamkan, ibu kanak-kanak itu keluar dari rumah sejak 1 Disember lalu dan tidak pulang manakala bapanya berada dalam tahanan reman polis.

Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

4 beradik tiga hari terbiar

Abang sulung 7 tahun jaga adik bongsu berusia 7 bulan

Rosnah Sardi berkata, difahamkan ibu bapa kanak-kanak malang berkenaan adalah etnik Rohingya dan sebelum ini sering berpindah randah.

"Isnin lalu, kami menerima aduan daripada beberapa jiran pada 9.40 ma-

lam mengenai keadaan tiga kanak-kanak dan seorang bayi diabaikan.

"Penduduk mengambil mereka dan ditempatkan di kediaman jiran serta memberikan makanan. Ketika kami mengambil mereka, anak ini berada dalam ke-

adaan baik," katanya.

Beliau berkata, pegawai JKJ membuat siasatan di lokasi kejadian dan menghubungi pihak UNCHR kerana kes membabitkan pelarian daripada Rohingya yang dilindungi UNCHR.

"Hasil siasatan mendapati ibu mereka dikatakan keluar rumah pada 1 Disember lalu dan tidak kembali. Bapa berada di lokap dan akan dilepaskan, hari ini (semalam).

"Anak-anak ini ditempatkan di tempat selamat sebelum diserahkan kepada bapa kandung di bawah pemantauan pihak UNCHR," katanya.

Menurut beliau, satu laporan polis sudah dibuat mengenai kejadian ini dan siasatan diteruskan mengikut Seksyen 17 (1)(d) Akta Kanak-Kanak 2001 Pindaan 2016.



TAJUK : MENGAKU CABUL GADIS BAWAH UMUR

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 7 DIS 2023

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Mengaku cabul gadis bawah umur

Oleh Alias Abd Rani
am@hmetro.com.my

Pekerja kedai makan dituduh melakukan amang seksual terhadap kenalan di pusat karaoke

Muar

Pekerja kedai makan mengaku salah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan amang seksual terhadap gadis bawah umur di pusat karaoke di Jalan Sisi di sini, bulan lalu.

Muhammad Khairul Effendy Ali Chng, 18, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Abu Bakar Manat.

Mengikut pertuduhan, dia melakukan amang seksual terhadap kenalan perempuan berusia 16 tahun di pusat karaoke terbabit pada jam 10.29 ma-

lam, 30 November lalu.

Berikutan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 14 akta sama.

Seksyen ini memperuntukkan hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun dan juga boleh dikenakan sebatan, jika disabitkan dengan kesalahan itu.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya, Daniah Munir sementara tertuduh tidak diwakili peguam.

Terdahulu, pihak pendakwaan memohon mahkamah untuk tidak membenarkan ikat jamin terhadap tertuduh sementara menunggu laporan sosial daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Namun, tertuduh yang diberi peluang merayu oleh mahkamah memohon supaya dia dibenarkan ikat jamin dengan kadar terendah memandangkan pendapatan bulannya tidak seberapa.

Selepas mendengar hujahan kedua-dua belah pihak, mah-

kamah memutuskan tertuduh dibenarkan ikat jamin sebanyak RM4,000 dengan seorang penjamin.

Pada masa sama, mahkamah juga menetapkan dua syarat iaitu tertuduh perlu melapor diri di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Muar setiap bulan serta tidak boleh mengganggu atau berhubung dengan mangsa.

Mahkamah menetapkan 9 Januari depan untuk penyerahan laporan sosial JKM sebelum menjatuhkan hukuman terhadap tertuduh.



MUHAMMAD Khairul Effendy dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Muar. - Gambar NSTP/ALIAS ABD RANI